

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

RPK 532 - Perancangan Pembangunan

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja

Soalan Bahagian A, soalan WAJIB dan TIGA soalan daripada Bahagian B

BAHAGIAN A (Wajib)

1. Huraikan beberapa maksud takrifan "pembangunan".

Bincangkan sebab-sebab pemahaman tentang makna pembangunan amat penting untuk mengubal dasar di Negara Dunia Ketiga.

(25 markah)

BAHAGIAN B

2. Huraikan aspek-aspek penting yang diambil kira apabila melaksanakan proses penaksiran projek.

Bincangkan kenapa perlu dilaksanakan proses penaksiran projek.

(25 markah)

3. Bagaimanakah projek pembangunan dikenalpasti?

Huraikan masalah yang dihadapi semasa melaksanakan proses tersebut?

(25 markah)

...2/-

4. Pendekatan difusi (diffusionist) berpengaruh hingga ke masa kini.

Huraikan teori dan andaian utama pendekatan ini.

Adakah teori dan andaiannya sah? Terangkan dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai.

(25 markah)

5. Kebanyakan Negara Dunia Ketiga mengamalkan perancangan pembangunan untuk melaksanakan program pembangunan mereka.

Bincangkan faktor-faktor yang mendorong mereka untuk merancang pembangunan.

Adakah faktor ekonomi yang mendorong mereka merancang pembangunan? Komen.

(25 markah)

6. Terangkan makna dualisme dan masyarakat dualisme. Pada pendapat anda konsep dualisme ini dapat menggambarkan keadaan pembangunan di Negara Dunia Ketiga yang sebenar. Terangkan.

(25 markah)

7. Berpandukan kepada Kajian Sektorial yang anda pernah laksanakan, huraikan bagaimanakah anda merancang pembangunan untuk sektor tersebut?

Pada pendapat anda apakah faedah langsung projek sedemikian?

(25 markah)

-ooo00ooo-